

4



Tinjau Perkembangan Projek Pembinaan Masjid

5



Memartabatkan Tulisan Jawi Melalui Kaligrafi Islam



**BERITA
UTAMA**

**PROGRAM MUNAJAT DAN
TAUBAT SENEGARA**

» 3

البيان MUSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama



**DISEMBER
2023M**

Jamadilawal-Jamadikahir 1445H
Tahun 35 • Bil 12

Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ummah
Terbitan: Pusat Da'wah Islamiyah

16

INFO PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara Tahun 2023

Bagi Bulan
DIS
43
Orang

- | | | |
|---|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ● Lawatan Kerja Projek Pembinaan Masjid Diteruskan ● 470 Pelatih PKBN Sertai Malam Munajat Kali ke-116 ● KHEU Terima Sumbangan Buku ● Takutlah Pada Azab Allah Subhanahu Wa Ta'ala ● Perbanyakkan Zikir dan Pohon Keampunan Allah | <ul style="list-style-type: none"> 6 ● Semarakkan Program Munajat dan Taubat Senegara 7 ● Peranan Ibu Bapa dalam Membentuk Keperibadian Anak-anak 8 ● Skim Bimbingan Mantapkan Lagi Ilmu Islam 9 ● Kunjungan Hormat daripada Penceramah-penceramah Jemputan dari Malaysia ke KHEU 10 | <p>12</p> <p>13</p> <p>14</p> <p>20</p> |
|---|--|---|



www.kheu.gov.bn



pdi@mora.gov.bn



2383996 smb: 241/242



2384008/2381293



Doa Rabbana Dalam Al-Quran

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman, *Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **PENOLONG PENASIHAT:** Hajah Zunainah binti Haji Gunong, *Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, *Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Qairunnisa binti Haji Jalil, *Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENYELARAS:** Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zelihan bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Azizah binti Hidup • Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • Hazey Suzainah binti Haji Shaya • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zelihan bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •



KUKUH PERSAUDARAAN RAIH KESEJAHTERAAN

"Sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."

Surah al-Hujurat ayat 10

Perkara yang paling utama dalam hidup di dunia ini ialah persaudaraan. Ianya amat penting bagi menzahirkan hidup aman damai yang dititikberatkan atas dasar keimanan dan ketaqwaan, bukan dengan saling berbalah dan berperang. Jikalau pun ada sebarang perselisihan, maka perlu dicari solusi terbaik bagi mendamaikan kedua-duanya. Hal ini kerana, permulaan dari perbalahan dan perperangan ialah fitnah dan tidak menghormati perbezaan yang ada. Justeru itu, untuk meraih persaudaraan dan kedamaian tersebut, maka amat perlu memiliki jiwa yang bertaqwa.

Dalam Islam, menjaga persaudaraan merupakan salah satu tuntutan yang besar dalam menjalin hubungan dengan Allah Subhanahu wa Ta'alā dan hubungan antara sesama manusia. Ianya juga merupakan antara ciri-ciri orang beriman iaitu dengan sentiasa menunjukkan sikap dan perilaku yang memberi jaminan rasa selamat antara satu sama lain.

Konsep persaudaraan yang ditekankan dalam Islam tidak hanya terbatas dalam ruang lingkup kejiranan ataupun negara, bahkan ianya melebihi sempadan global. Kita akan turut sama bersedih dan bimbang terhadap saudara-saudara kita di negara-negara lain yang diuji dengan peperangan, kemiskinan, dilanda banjir dan wabak penyakit.

Dalam memperkuuh persaudaraan, sewajarnya kita memberi bantuan semampunya di samping memanjatkan doa dan bermunajat memohon kepada Allah Subhanahu wa Ta'alā agar membantu saudara-saudara kita yang sedang dalam kesusahan dan memberikan keamanan serta kesejahteraan kepada kehidupan semua.

DOA UNTUK MENDAPAT KEAMPUNAN DAN KERAHMATAN

رَبَّنَا إِمَّا فَاغْفِرْ لَنَا أَوْ حُمَّنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّحْمَنِ

MAFHUMNYA:

...YA Tuhan kami! Kami telah beriman maka ampunilah kami serta kurniakanlah rahmat kepada kami dan Engkau jualah sebaik-baik pemberi rahmat.

Surah al-Mu'minun, ayat 109

PROGRAM MUNAJAT DAN TAUBAT SENEGARA

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



SEMBAHYANG Fardhu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Murat, Pegawai Masjid, Jame' Asr Hassanil Bolkiah yang kemudiannya mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Jamadilawal bersamaan

2 Disember - Program Munajat dan Taubat Senegara yang diadakan merupakan antara acara utama dalam Majlis Ilmu 2023. Program berkenaan diadakan secara serentak di masjid-masjid utama di keempat-empat daerah iaitu Daerah Belait di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Daerah Tutong di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar dan; Daerah Brunei Muara di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.

Program Munajat dan Taubat Senegara di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong disertai sama oleh Yang Berhormat Pehin Udina Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Pehin Datu Lailara Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmadaddin bin Haji Abdul Rahman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Acara bermula dengan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah yang

Dr. Md. Hilmy Baihaqy dalam tazkirahnya menjelaskan bahawa taubat itu bukanlah hanya untuk mengetahui akan makna dan kepentingannya, tetapi jauh lebih penting adalah untuk kita dapat menjiwai dan sedar akan kewajipan taubat.

Beliau seterusnya menerangkan bahawa Imam al-Ghazali di dalam Minhajul Abidin menyatakan bahawa permulaan untuk melakukan taubat itu ada tiga, iaitu mengingati bahawa sangat buruknya perbuatan-perbuatan dosa itu; mengingati betapa beratnya azab seksa Allah Subhanahu wa Ta'alā; dan mengingati tentang kelemahan dan kekurangan daya upaya kita untuk menanggung azab Allah Subhanahu wa Ta'alā itu. Kita tidak boleh berputus asa untuk bertaubat walaupun merasakan bahawa dosa kita itu banyak, kerana rahmat Allah itu sangat luas, ujarnya lagi.

Dr. Md. Hilmy Baihaqy menambah bahawa taubat adalah salah satu resipi kejayaan seorang mukmin kerana Allah Subhanahu wa Ta'alā sendiri berjanji di dalam surah an-Nur ayat 31, mafhumnya: "Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu beroleh kejayaan."

Bagi memberkati acara Munajat, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Ahmad Syafiq bin Haji Othman, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang juga mengimamkan Sembahyang Fardhu Isya' Berjemaah.

Penyertaan Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah daripada 92 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara juga menyemarakkan Program Munajat dan Taubat Senegara. ■

TINJAU PERKEMBANGAN PROJEK PEMBINAAN MASJID

Oleh : Mohamad Zeliyan Ahad



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama semasa meninjau salah satu tapak projek.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Jamadilakhir bersamaan

19 Disember - Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwel Ugama telah mengadakan lawatan ke tiga tapak projek pembinaan masjid.

Tapak projek yang dilawati adalah tapak projek pembinaan masjid baharu Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampong Meragang dan projek pembinaan masjid baharu Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampong Mengkubau. Kedua-dua projek pembinaan masjid tersebut adalah di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-11. Manakala satu lagi tapak projek iaitu Projek Tambahan Bangunan Masjid Kampong Sungai Buloh adalah di bawah peruntukan Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwel Ugama dan rombongan memulakan lawatan ke Tapak Projek Pembinaan Masjid Baharu RPN Kampong Meragang. Pembinaan projek tersebut telah bermula pada September 2021 dan dijangka siap pada Januari

mula dijalankan pada Mei 2022 dan dijangka siap pada suku pertama tahun 2024.

Kos pembinaan masjid berjumlah BND870,000 itu dilengkapi kemudahan yang disediakan bagi penambahan bangunan masjid berkenaan iaitu ruang tambahan tempat sembahyang, bilik pengurusan jenazah, tandas dan tempat berwudhu'.

Lawatan ke tiga tapak projek tersebut adalah bertujuan meninjau dan memantau lebih dekat perkembangan projek-projek berkenaan serta memastikan pelaksanaan kerja-kerja pembinaan dan tambahan berjalan lancar serta menepati kualiti dan tarikh siap yang telah ditetapkan.

Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwel Ugama; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwel Ugama dan Pemangku Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwel Ugama serta para pegawai kanan Kementerian Hal Ehwel Ugama dan Kementerian Pembangunan. ■



MEMARTABATKAN TULISAN JAWI MELALUI KALIGRAFI ISLAM

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



PENGIRAN Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan semasa menyampaikan hadiah kepada Awang Alomsa Nor Adzmin bin Haji Ali Omar, juara bagi Kategori Terbuka Seni Khat Peringkat Kebangsaan 1445H/2023M.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Jamadilakhir bersamaan

19 Disember – Majlis Penyampaian Seni Khat Peringkat Kebangsaan 1445 H/2023M sempena Sambutan Hari Guru ke-33 Tahun 2023 telah berlangsung di Dewan Ma'rifah, Pusat Pengajaran Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang dan sagu hati kepada panel hakim, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwel Ugama juga selaku Pengurus Lembaga Tadbir PPKKI-YSHHB.

Awang Alomsa Nor Adzmin bin Haji Ali Omar yang mendapat markah 83 peratus, dinobatkan sebagai juara bagi Kategori Terbuka pada pertandingan tersebut dengan menerima wang tunai berjumlah BND2,000. ■

Manakala, bagi Kategori Pendidik Perempuan, Dayang Siti Norajimah binti Awang Haji Hamdani berjaya menduduki tempat pertama dengan menerima wang tunai berjumlah BND500, diikuti Dayang Norhanisah binti Haji Abdul Rani di tempat kedua yang membawa pulang wang tunai

berjumlah BND400, dan tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Vivie Yanty binti Abdullah yang memenangi wang tunai berjumlah BND300.

Ulasan dan pengumuman pemenang disampaikan oleh Awang Muhammad Syukri bin Haji Sulong, Khattat di PPKKI-YSHHB juga selaku wakil panel hakim.

Antara objektif pertandingan ialah bagi menarik minat guru-guru untuk mempelajari kaedah seni khat dengan teknik yang betul dan secara tidak langsung akan dapat membimbing dan mengajarkan kepada anak murid mereka, di samping untuk mengenal pasti dan mengetahui individu-individu tempatan yang mempunyai bakat dalam penulisan khat melalui acara pertandingan kebangsaan mahu pun luar negara dan seterusnya melahirkan masyarakat Islam di negara ini yang dapat menguasai ilmu seni Islam.

Selain itu, ia juga adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kualiti masyarakat Islam di negara ini terhadap penguasaan seni Islam dalam pelbagai aspek dan mampu menguasai dan menghayati nilai-nilai seni Islam khususnya seni khat.

Juga hadir pada majlis berkenaan, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Türkiye ke Negara Brunei Darussalam; Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abd Razak, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB dan juga Timbalan Pengurus Lembaga Tadbir PPKKI-YSHHB; Ahli-ahli Lembaga Tadbir PPKKI-YSHHB; dan para pegawai kanan YSHHB. ■

LAWATAN KERJA PROJEK PEMBINAAN MASJID DITERUSKAN

Oleh : Azizah Hidup



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa melawat ke Tapak Projek Blok Tambahan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Jamadilakhir bersamaan 26 Disember

- Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama meneruskan lagi siri lawatan ke tapak-tapak projek di bawah peruntukan Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam dan juga Rancangan Kemajuan Negara Ke-II (RKNII) bagi meninjau dan memantau perkembangan projek-projek berkenaan dalam memastikan ia berjalan dengan lancar serta mematuhi piawaian dan tarikh siap yang telah ditetapkan.

Tumpuan lawatan kerja berkenaan meliputi Projek Pembinaan Masjid Baharu Kampong Junjongan, Blok Tambahan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah dan Masjid Baharu Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampong Rimba.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan memulakan lawatan ke Tapak Projek Pembinaan Masjid Baharu Kampong Junjongan iaitu di bawah peruntukan Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa melawat ke Tapak Projek Blok Tambahan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah.

Projek Blok Tambahan Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah di bawah peruntukan RKN Ke-II ini dijangka siap pada suku pertama tahun 2024.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan mengakhiri lawatan ke Tapak Projek Pembinaan Masjid Baharu RPN Kampong Rimba yang juga di bawah peruntukan RKN Ke-II.

Projek tersebut yang telah bermula pada Julai 2023 dijangka siap pada November 2024 dengan kos pembinaan masjid berkenaan berjumlah BND3.6 juta dengan menampung kira-kira 2,000 jemaah.

Juga menyertai lawatan kerja ini ialah Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Pemangku Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama Kementerian Pembangunan. ■

470 PELATIH PKBN SERTAI MALAM MUNAJAT KALI KE-116

Oleh : Dahlan Chuchu



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menghadiri Malam Munajat Bersama Jemaah secara maya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Jamadilakhir bersamaan 16 Disember

- Acara Malam Munajat kali ke-116 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama terus diadakan dengan dukungan khas Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-12 bagi tahun 2023.

Malam Munajat berkenaan dihadiri oleh Mejar (B) Awang Haji Mohammad bin Dollah, Pemangku Pengarah Khidmat Bakti Negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku tetamu khas yang juga turut memimpin bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Faatihah daripada Surau Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Temburong.

Seramai 470 pelatih PKBN Pengambilan Ke-12 bersama 150 orang terdiri daripada pegawai, jurulatih, dan tenaga kerja PKBN, daripada Surau Kem Latihan PKBN turut menyertai acara berkenaan.

Turut menyemarakkan Malam Munajat ialah Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah daripada 73 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara, warga kerja di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan yang menyertai secara maya.

Acara diteruskan dengan bacaan surah Yasin beramai-ramai yang dipimpin oleh 13869 Pelatih Awang Mohd. Danial Hazwan bin Haji Mohd. Azmi, Platon 3 bersama para pegawai, jurulatih, tenaga kerja serta pelatih PKBN daripada Surau Kem Latihan PKBN.

Acara disusuli dengan bacaan Doa Munajat yang diketuai oleh 14293 Pelatih Awang Md. Zulhelmi Hashim bin Jainudin, Platon 1.

Menyerikan lagi acara ialah tazkirah bertajuk 'Kelebihan Mengenai

Menuntut Ilmu dan Beramal Dengannya, Kelebihan Mengamalkan Solat Fardhu serta Sunat, dan Kelebihan Mengamalkan Zikir Dalam Kehidupan' yang disampaikan oleh Dr. Haji Sham bin Haji Amin, Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, daripada Surau Kem Latihan PKBN.

Setelah itu, bacaan Selawat Tafrijiyah dipimpin oleh 14045 Awang Mohd Azwan bin Ahmad, Platon 9 bersama para pegawai, jurulatih, tenaga kerja serta pelatih PKBN.

Bagi memberkati acara Malam Munajat, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Haji Shafriyah bin Haji Ahmad, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong daripada masjid berkenaan. ■

KHEU TERIMA SUMBANGAN BUKU

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



AWANG Haji Mohammad Rosli menerima sumbangan koleksi buku daripada Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo dan seterusnya menyerahkan kepada wakil unit, jabatan dan institusi pendidikan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 Jamadilawal bersamaan

5 Disember - Kementerian Hal Ehwal Ugama menerima sumbangan sebanyak 13 buah buku (enam set) berupa koleksi buku dari Kedutaan Besar Republik Rakyat China di Bandar Seri Begawan.

Koleksi buku itu merangkumi aspek budaya, sains, landskap dan sejarah Republik Rakyat China.

Hadir menerima sumbangan buku tersebut ialah Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis berlangsung di Dewan, Multaqa, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Pada majlis itu, Awang Haji Mohammad Rosli kemudian menyerahkan sumbangan koleksi buku tersebut kepada unit, jabatan dan institusi pendidikan di bawah kementerian berkenaan iaitu Unit Perundungan Islam; Pusat Da'wah Islamiah; Jabatan Hal Ehwal Masjid; Kolej Universiti Perguruan

dengan harmoni dan cara yang pelbagai.

Tuan Yang Terutama seterusnya menjelaskan, Republik Rakyat China adalah sebuah negara yang ramai penduduknya dengan banyak kumpulan etnik dan pelbagai agama di mana menghormati dan melindungi kebebasan kepercayaan agama adalah dasar asas negara Republik Rakyat China dan dimasukkan ke dalam perlembagaan.

Jelas Tuan Yang Terutama lagi, terdapat lebih 20 juta umat Islam dan lebih 35,000 masjid di Republik Rakyat China di mana Wilayah Autonomi Uyghur Xinjiang dan Wilayah Autonomi Ningxia Hui adalah kawasan utama penduduk Islam, termasuk kolej agama, institut dan sekolah Islam.

Tuan Yang Terutama berkata, karya klasik keagamaan seperti al-Qur'an juga diterjemahkan dan diterbitkan dalam pelbagai bahasa di Republik Rakyat China, memastikan warisan budaya Islam yang baik.

Adapun sumbangan bahan bacaan tersebut adalah sebagai tanda persahabatan dan pertukaran budaya antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Kedua-dua negara telah menjalankan beberapa perjanjian kerjasama dan memorandum persefahaman untuk memperkuatkan lagi kerjasama antara kedua-dua belah pihak ■

Menurut Tuan Yang Terutama, Negara Brunei Darussalam menjadikan Melayu Islam Beraja sebagai asas negara, dengan umat Islam sebagai majoriti rakyatnya dan budaya agama lain berkembang dan wujud bersama

TAKUTLAH PADA AZAB ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri turut serta menghadiri Malam Munajat secara maya.

TUTONG, Sabtu, 25 Jamadilawal bersamaan 9 Disember

- Sesungguhnya Allah Subhanahu wa Ta'ala berjanji kepada orang-orang mukmin untuk memberikan keampunan.

Perkara berkenaan merupakan antara inti pati tazkirah Malam Munajat yang disampaikan oleh Awang Muhammad Waqiyuddin Fakhri bin Haji Damit dari Masjid Universiti Brunei Darussalam, Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei.

Mereka takut kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala baik dalam keadaan rahsia ataupun terang-terangan. Mereka ini takut kepada Tuhan ketika tidak kelihatan kepada manusia, menahan diri daripada membuat maksiat, melakukan ketaatan, di mana tidak ada yang melihat kecuali Allah Subhanahu wa Ta'ala. Mereka ini mendapat keampunan besar di mana Allah Subhanahu wa Ta'ala akan mengampuni dosa-dosa

mereka dengan memberikan pahala yang berlimpah iaitu ke syurga.

bin Haji Mohd. Salleh dari Madinah Al-Munawwarah.

Acara Malam Munajat turut disertai oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri, Datin Hajah Dayang Nahriah binti Haji Awang Hasbi.

Terdahulu bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Faatihah dipimpin oleh Awang Muhammad Samira Razin bin Abdullah Sambut, Presiden Kami Prihatin (WeCare) dari Masjid Universiti Brunei Darussalam.

Malam Munajat mengajak orang ramai melipatgandakan amalan sehariannya dengan membaca ayat-ayat suci al-Qur'an, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala. ■

Seterusnya bacaan surah al-Mulk beramai-ramai diketuai oleh Awang Mohammad Hazwan Nizam bin Ibrahim, ahli Persatuan WeCare yang juga dari Masjid Universiti Brunei Darussalam dan Doa Munajat dibacakan oleh Awang Haji Abd. Rajid

PERBANYAKKAN ZIKIR DAN POHON KEAMPUNAN ALLAH

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



JEMAAH semasa menuaikan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, diimamkan oleh Awang Sahibul Omar bin Haji Yusof, imam Masjid Hassanal Bolkiah yang juga mengimamkan sembahyang Sunat Hajat dan Sembahyang Sunat Taubat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Jamadilawal bersamaan 2 Disember

Dalam usaha mengajak masyarakat untuk bermunajat dengan pengisian yang dinamik, semuanya menjurus ke arah mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan bacaan ayat-ayat suci al-Qur'an, zikir-zikir, selawat, doa munajat dan sekali gus perkongsian ilmu menerusi tazkirah-tazkirah yang disampaikan oleh ilmuan agama dari kalangan anak bangsa sendiri.

Justeru, Malam Munajat yang memasuki minggu ke-114 anjuran

Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, sektor swasta dan persatuan-persatuan berjaya diselenggarakan menerusi pendekatan 'Whole of Nation Approach'.

Program Munajat dan Taubat Senegara bersempena Majlis Ilmu 2023 juga diadakan di Daerah Tutong, dengan tumpuan utama di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan

Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Tetamu khas dan jemputan serta jemaah terlebih dahulu menuaikan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, diimamkan oleh Awang Sahibul Omar bin Haji Yusof, imam Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong yang juga mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat dan Sembahyang Sunat Taubat.

Acara Malam Munajat dimulakan dengan bacaan surah al-Faatihah dipimpin oleh Awang Mohammad

Sofian bin Haji Basri, Pegawai Daerah Tutong yang kemudian diikuti dengan bacaan Doa Munajat dibacakan oleh Awang Haji Kaharudin bin Mohd Ali, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Tutong.

Manakala, Tazkirah Munajat dan Taubat Senegara disampaikan oleh Awang Haji Azman bin Haji Musa, Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, yang antara lain mengongsikan munajat mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, dengan cara memperbanyak ibadat, zikir dan doa untuk mengharapkan keredhaan, keampunan dan pertolongan-Nya.

Allah Subhanahu wa Ta'ala tidak akan pernah ingkar dengan janji-Nya selama kita benar-benar berdoa dengan sungguh-sungguh dan sepenuh hati, yang dilandasi jiwa

khusuk dan tawaddhu', bahkan doa disebutkan oleh Allah sebagai ibadah, sebagaimana firmanya dalam surah al-Mu'min ayat 60: "Dan Tuhanmu berfirman: "Berdoalah kepada-Ku, nescaya akan Ku-perkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembah-Ku akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina dina."

Awang Haji Azman juga dalam tazkirahnya menjelaskan erti Taubat iaitu berhenti melakukan kesalahan atau dosa yang dilakukan dan menyesali perbuatan tersebut serta berazam untuk tidak kembali melakukannya di masa yang akan datang.

Kenapa mesti bertaubat? "Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kepada Allah dengan taubat nasuha, mudah-mudahan

Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai".

Bagi memberkati acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh, Awang Haji Aidil Sofian bin Haji Mohd Yassin, Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong.

Sejurus itu, Sembahyang Fardhu Isya' Berjemaah diimamkan oleh Awang Mohammad Waiz bin Tejuddin, Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong. ■



HADIR selaku tetamu khas ialah Yang Berhormat Dato Seri Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

SEMARAKKAN PROGRAM MUNAJAT DAN TAUBAT SENEGARA

Oleh : Hazey Suzainah Haji Shaya



SEMBAHYANG Fardhu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Awang Haji Shafrillah bin Haji Ahmad, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Jamadilawal bersamaan

2 Disember - Daerah Temburong juga tidak ketinggalan dalam sama-sama menyemarakkan Program Munajat dan Taubat Senegara dengan tumpuan utama di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Tetamu kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Acara dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Haji Shafrillah bin Haji Ahmad, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Manakala Sembahyang Sunat Taubat diimamkan oleh Awang Norezam bin Haji Zaini, Imam Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Acara Malam Munajat dimulakan dengan bacaan surah al-Faatihah dipimpin oleh Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji

Hashim, Pegawai Daerah Temburong. Diikuti pula dengan Doa Munajat dibacakan oleh Awang Abdul Hadi bin Ali, Pemangku Hakim Mahkamah Rendah Syariah Temburong.

Tazkirah Munajat dan Taubat Senegara disampaikan oleh Awang Harris Hamdillah bin Haji Masri, Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong. Bagi memberkati program berkenaan,

Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Haji Kamarul Zaman bin Kamis, Pemangku Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong.


Acara diteruskan dengan Sembahyang Fardhu Isya' Berjemaah diimamkan oleh Awang Haji Shafrillah, Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar. ■



TAZKIRAH Munajat dan Taubat Senegara disampaikan oleh Awang Harris Hamdillah bin Haji Masri, Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong.

PERANAN IBU BAPA DALAM MEMBENTUK KEPERIBADIAN ANAK-ANAK

Oleh : Azizah Hidup



SEBAHAGIAN daripada jemaah wanita yang menyertai Malam Munajat Khas bagi wanita.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 11 Jamadilakhir bersamaan

24 Disember - Malam Munajat Kementerian Hal Ehwal Ugama Ke-117 diteruskan lagi dengan menampilkan Munajat Khas untuk wanita dengan dukungan khas jemaah wanita Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA) bertempat di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampong Jerudong dan juga secara maya.

Intipati tazkirah antara lain mengingatkan bahawa ibu bapa merupakan pendidik pertama dan utama dalam mendidik dan membentuk keperibadian anak-anak.

Memulakan acara ialah bacaan surah al-Faatihah dipimpin oleh Datin Hajah Masni binti Haji Mohd Ali, Presiden Persatuan BASMIDA.

Terdahulu, bacaan Saiyidul Istighfar dipimpin oleh Dayang Hajah Asmah binti Haji Paidi, ahli Persatuan BASMIDA.

Diteruskan dengan bacaan surah al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Dayang Hajah Nurbayu binti Haji Mohd Salleh, juga ahli Persatuan BASMIDA. Doa Munajat dibacakan

oleh Dayang Nur Aizat Yatimi binti Haji Shari, ahli Persatuan BASMIDA.

Manakala tazkirah disampaikan oleh Dayang Syafiqah binti Haji Ayop, penceramah bertauliah dari Majlis Ugama Islam Brunei.

Intipati tazkirah antara lain mengingatkan bahawa ibu bapa merupakan pendidik pertama dan utama dalam mendidik dan membentuk keperibadian anak-anak.

Ibu bapa hendaklah memberikan tumpuan dan mempertingkatkan hubungan kasih sayang dengan anak-anak, di samping anak-anak juga perlu di sekelilingi oleh 'role model' yang positif.

Oleh sebab itu, anak-anak perlu diberi asas ilmu dan agama yang cukup agar mereka ada bimbingan untuk membawa anak-anak ke arah kebaikan dan menghindari mereka daripada perkara-perkara yang buruk seperti penyalahgunaan dadah. ■

Bacaan Asmaul Husna dipimpin oleh Dayang Azniseryanie binti Haji Isa bersama ahli-ahli Persatuan BASMIDA juga dari Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Bagi memberkati acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Dayang Saadatul Sakinah binti Haji Masri, Penolong Pegawai Ugama, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadir sama menyertai Malam Munajat berkenaan, Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, dan Datin Hajah Norazimah binti Haji Ramlee, isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Ikut serta mengimarahkan acara Malam Munajat berkenaan ialah para Muslimah dan jemaah daripada beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara. ■

SKIM BIMBINGAN MANTAPKAN LAGI ILMU ISLAM

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin

TARBIYAH BERSAMA MUALLAF



SIRI KE- SKIM BIMBINGAN ASAS MUALLAF (LELAKI) 199

Dibukakan kepada seluruh muallaf di Negara Brunei Darussalam yang telah selesai mengikuti Bimbingan Pengenalan Islam.

**16 JANUARI 2024
HINGGA
31 JANUARI 2024**
(TIDAK TERMASUK HARI AHAD)

ANJURAN PUSAT DA'WAH ISLAMIAH, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Untuk Maklumat Lanjut Bagi Setiap Daerah, Sila Hubungi:
Pusat Da'wah Islamiah,
Kementerian Hal Ehwal
Ugama,
Kampung Pulai, Jalan Pusat
Da'wah
NRD, BB4310
Tel : 22835996

Pejabat Unit Da'wah Daerah
Tutong, PW2 246, Simpang 41,
Jalan Sungai Besar, Tutong TA2345
Negara Brunei Darussalam
Tel : 4222428

Pejabat Unit Da'wah Daerah Temburong,
Tempurong 199, Jalan Maulana, Kudat Belait
KA1001
Negara Brunei Darussalam
Tel : 8221358
Fax : 8221408

Pejabat Unit Da'wah Belait,
Tempurong 199, Jalan Maulana, Kudat Belait
KA1001
Negara Brunei Darussalam
Tel : 2284580
Fax : 2284379

@tarbiyahmaya

Facebook Tarbiyah Muallaf

BANDAR SERI BEGAWAN,
Isnin, 12 Jamadilakhir
bersamaan 25 Disember. -
Pusat Da'wah Islamiah mempunyai
matlamat untuk menyebar luas
dan memantapkan ajaran serta
penghayatan beragama kepada
rakyat dan penduduk negara ini.

Tidak terkecuali dalam kalangan
saudara-saudara baharu bagi
memantapkan lagi ilmu pengetahuan
mereka tentang agama Islam serta
isi di dalamnya. ■

Antara inisiatif yang dijalankan
oleh Pusat Da'wah Islamiah adalah



termasuk menganjurkan Program Skim Bimbingan Asas Muallaf.

Pendaftaran bagi Program Skim Bimbingan Asas Muallaf Siri Ke-199 bagi lelaki dibuka mulai 16 hingga 31 Januari 2024. Manakala untuk Program Skim Bimbingan Asas Muallaf Siri Ke-200 bagi perempuan bermula 12 hingga 29 Februari 2024.

Program skim ini adalah dibuka kepada seluruh muallaf di Negara Brunei Darussalam dan selesai mengikuti Bimbingan Pengenalan Islam.

Dengan adanya program ini dapat membantu saudara baharu dalam mengenal pasti perkara-perkara yang berkaitan dengan aqidah, amal ibadat dan cara hidup Islam.

Selain itu, kebijakan saudara baharu dan juga ahli keluarganya akan terus dipertahankan, di samping mengekalkan keharmonian. ■

AKHLAK NABI TERHADAP KELUARGA

Menghibur dan bergurau senda

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam adalah seorang yang suka menghibur menggembirakan dan memanggil isteri baginda dengan panggilan manja. Juga suka bergurau senda dengan cucu-cucu baginda.

Di antaranya Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam pernah berlumba lari dengan isterinya, 'Aisyah Radhiallahu 'anha saat berada dalam sebuah perjalanan.

'Aisyah Radhiallahu 'anha berkata, "Aku ikut bersama Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam dalam sebuah perjalanan. Pada saat itu tubuhku masih ringan. Kami singgah di sebuah tempat dan Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam memerintahkan para sahabatnya untuk meneruskan perjalanan. Lalu Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam berkata kepadaku, "Mari kita lomba lari!" Ternyata aku mengalahkan Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam. Kemudian perjalanan lain aku juga ikut. Pada saat itu tubuhku sudah berat (gemuk). Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam berkata kepadaku, "Mari kita lomba lari!" Ternyata Nabi mengalahkan aku.

Nabi bersabda sambil menepuk bahu, "Kemenangan ini menutupi kekalahan yang dulu."

Hadits Shahih Riwayat Imam Abu Daud



AKHLAK NABI TERHADAP KELUARGA

Memberi kasih sayang ❤

Baginda juga sangat memanjakan dan menyayangi anak-anak kecil

Daripada 'Anas bin Malik Radhiallahu 'anhhu katanya: "Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam telah ditanya, "Siapakah ahli keluarga yang paling engku kasih?" Baginda menjawab, "Hasan dan Husain," dan baginda bersabda kepada Fatimah, "Panggilkan aku kedua orang anak(mu)!" Maka baginda mencium dan memeluknya."

Terjemahan Makna Hadits Gharib Riwayat Imam at-Tirmidzi





وَإِن كُلُّ بُوكَ فَقْلٌ عَمَلٌ وَكُلُّ عَمَلٌ كُلُّ أَنْتُمْ بِهِ يَوْنَ مِمَّا أَعْمَلُ وَأَنْبَرَهُ
فَمَا تَعْمَلُونَ

Majlis Pengislaman **DISEMBER 2023**




STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2023



| Features |



Sharifah Khadijah
Hussein Alkaff

CONCLUSION

The best Teacher and Guide for humanity, Prophet Muhammad Shallallahu 'alaihi wa sallam, who had elevated the status of women to being equal with that of men in servitude to Allah Subhanahu wa Ta'ala has said, in a hadits that addresses women: *Take care of your home for that is your Jihad.*(Imam Baihaqi). Declaring home-making as a Jihad for women is giving it the highest possible status

and at the same time honouring the female race. The most important issue for us women to remember is that our family should be our first priority. If a woman has to work but is able to balance between her family and her career, then it is acceptable for her to work, especially if she is a single-parent or the sole breadwinner.

If, however, the family begins to suffer with her working then she needs to reconsider her priorities and choose the option that would be most pleasing to Allah Subhanahu wa Ta'ala. An insightful person once said, "*After so much time and energy put into a career, I discovered that the most precious gift I have is my family.*" Even some of the most organised women find that something has to give, whether it's the housework, sleep or attention to their husbands and children. There is one universal truth - it is not possible to have it all, compromises will have to be made. There is no such thing as a Super Woman.

Mothers are the silent workers who are indispensable for building the character of the next generation. A believing mother will instil faith, moral values and self-confidence in her children and raise them with courage, honesty, truthfulness, patience and perseverance, love and kindness. A society without mothers and home-makers will surely produce at-risk youth. This role of a woman can be likened to that of the archers in the battle of Uhud. The archers' role may not look very important but they were the key to the fate of the entire army. Similarly, if women hold on to their primary responsibilities, the entire nation will succeed but if they opt for "greater, more exciting action" elsewhere, the whole ummah will lose.

Amalan Anak

Untuk Ibu Bapa Yang Telah Meninggal

Mendoakan kedua orang tua

Menyambung dan mengeratkan hubungan silaturrahim dengan kedua belah pihak ibu bapa

Melaksanakan janji-janji mereka setelah meninggal dunia

Memuliakan sahabat-sahabat keduanya

Memohon keampunan dari Allah untuk kedua orang tua



Hafiy Lutfi
حَفِيْ لَطْفِي

Yang Memuliakan, Yang Mengetahui, Kesopananku, Kebaikanku.

Namir Wa'il

نَمِيرٌ وَاعِلٌ

Yang Murni, Sihat, Berfaedah, Yang Mulia

Wasim Bazil

وَسِيمٌ بَازِلٌ

Yang Kacak, Yang Cerdik.



Hadits Riwayat Imam Abu Daud dalam kitab sunannya, daripada Abu Darda', Rasullullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya kamu akan dipanggil pada hari kiamat dengan nama-nama kamu dan nama-nama bapa-bapa kamu. Maka oleh itu Perelokkanlah nama-nama kamu"



Anits Ra'ufah

أَنِيْثٌ رَؤُوفَةٌ

Kelembutan, Yang Belas Kasihan.

Zhuhrah Syathirah

ظُهْرَةُ شَاطِرَةٍ

Pendukung, Penyokong, Yang Cerdik.

Zian 'Iyadzi

زَيَانٌ عَيَادِيٌّ

Perhiasan, Perlindunganku.



SENTIASA MERENDAH DIRI KEPADA ALLAH

“...Dalam kehidupan, menyedari dan mengakui kekuasaan Allah adalah sangat-sangat dituntut. Kerana dengan cara ini, sifat kehambaan kita akan bertambah-tambah subur, menjadikan kita akan terpanggil untuk sentiasa merendah diri kepada Allah, bukan seperti umat-umat terdahulu yang rata-rata menyombongkan diri tidak mahu mengakui kekuasaan Allah, yang natijahnya, menjadikan mereka berkubur satu demi satu.

Impak baik orang yang merendah diri dengan Allah, akan menjadikan orang itu seorang yang saleh yang sentiasa tunduk mentaati perintah dan suruhan Allah... ’’

AKHLAK NABI TERHADAP KELUARGA

Membantu isteri dalam urusan rumah tangga

Dari 'Aisyah Radhiallahu 'anha katanya: "Baginda mengerjakan setiap pekerjaan isteri baginda, tetapi bila datang waktu sembahyang, baginda keluar untuk bersembahyang."

Terjemahan Makna Hadits Riwayat Imam al-Bukhari



Dari 'Aisyah Radhiallahu 'anha katanya beliau ditanya tentang apakah yang dikerjakan Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam di rumah baginda lalu beliau menjawab:

"Baginda adalah seorang manusia biasa, baginda mencuci bajunya, memerah susu kambingnya dan melayani dirinya sendiri."

Terjemahan Makna Hadits Shahih Riwayat Imam Ahmad

KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PENCERAMAH-PENCERAMAH JEMPUTAN DARI MALAYSIA KE KHEU

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, ketika menerima kunjungan hormat daripada penceramah-penceramah jemputan dari Malaysia diketuai oleh Dato' Seri Dr. Haji Zulkifli bin Mohamad Al-Bakr, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 Jamadilawal bersamaan

6 Disember – Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan hormat daripada penceramah-penceramah jemputan dari Malaysia untuk Program Ceramah di Daerah Tutong, Belait dan Temburong sempena Majlis Ilmu 2023.

Rombongan terdiri dari, Dato' Seri Dr. Haji Zulkifli bin Mohamad Al-Bakr, Pengerusi Lembaga Pengarah

Universiti Sains Islam Malaysia; Haji Mohamad Zarifi bin Mohamad Daud, Pegawai Khas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ugama), Malaysia; dan Profesor Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail, Profesor di Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Kunjungan hormat yang berlangsung di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama tersebut turut dihadiri oleh Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; dan Awang Haji Shamshol

bin Haji Omar, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Rombongan berada di Negara Brunei Darussalam selaku penceramah-penceramah jemputan bagi Program Ceramah di Daerah Tutong, Belait dan Temburong sempena Majlis Ilmu 2023 yang berlangsung secara serentak pada Khamis, 23 Jamadilawal 1445 bersamaan 7 Disember 2023. ■